

27 DEC 1996

Najib - Universiti

BN TETAP TUNAI JANJI BINA UNIVERSITI DI KELANTAN

PULAI CHONDONG, 27 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan menunaikan janjinya untuk membina universiti di Kelantan jika Barisan Nasional (BN) diberi mandat memerintah Kelantan, kata Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ini antara janji yang dibuat oleh BN dalam manifesto pilihan raya umum 1995 lalu", katanya ketika berceramah di sini malam tadi bagi menyokong calon BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Pulai Chondong pada 6 Jan depan.

Calon BN Yusuf Hamzah ditentang oleh calon PAS Zulkefli Mamat pada pertandingan satu lawan satu. Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian anggota DUN kawasan berkenaan Kpt (B) Mohd Noor Ahmad (UMNO), 4 Dis lepas.

Najib yang juga Naib Presiden UMNO berkata pengundi kawasan itu hendaklah menjadikan pilihan raya kecil itu sebagai titik permulaan menumbangkan kerajaan PAS jika mahukan perubahan.

Katanya, mereka perlu memberi isyarat jelas kepada kepimpinan BN bahawa rakyat Kelantan mahukan perubahan dan tidak mahu lagi berada di bawah pemerintahan PAS yang banyak menyusahkan mereka.

Beliau berkata, BN yang diterajui oleh UMNO tidak dapat melaksanakan perubahan itu sekarang kerana urusan pengambilan tanah di bawah bidang kuasa kerajaan PAS yang menimbulkan pelbagai kerenah.

Menurut beliau, ketika BN memerintah Kelantan juga timbul krisis dengan istana tetapi kerana niat BN yang dipimpin oleh UMNO baik, ia dapat diselesaikan sehingga Raja-raja memberi sokongan padu terhadap perjuangan BN.

Beliau berkata ini kerana Raja-raja sedar apabila BN berkuasa, negara akan menjadi kuat dan keadaan politik akan stabil yang membawa ke arah kecemerlangan dan keharuman negara dan rakyat pula dapat hidup dengan sejahtera.

Hal ini mendapat pengiktirafan dari seluruh dunia termasuk dunia Islam sendiri yang menjadikan Malaysia sebagai contoh pembangunan moden negara Islam.

Katanya, ini terbukti ketika mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Arab Saudi baru-baru ini, Dr Mahathir diberi penganugerahan tertinggi oleh kerajaan itu apabila membenarkannya menziarahi Makam Nabi Muhammad S.A.W.

"Ini menunjukkan perkembangan Islam di Malaysia diakui oleh negara Islam lain", katanya. -- BERNAMA

WM FAZ